



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

LAPORAN

KAJIAN TENAGA KERJA 2021

REPORT OF

THE LABOUR FORCE SURVEY 2021

Jabatan Perangkaan
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

Department of Statistics
Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

LAPORAN KAJIAN TENAGA KERJA (KTK) 2021

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengeluarkan **Laporan Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2021** yang berasaskan data muktamad dari hasil Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2021 yang telah dikendalikan serentak dengan Peringkat Ketiga Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021 pada 1 hingga 31 Disember 2021. Objektif utama KTK 2021 ialah untuk mengumpulkan maklumat terkini mengenai saiz, struktur, taburan dan ciri-ciri tenaga kerja, pekerjaan, pengangguran dan lain-lain ciri-ciri ekonomi penduduk yang akan digunakan dalam membantu perancangan, penyelidikan, penyediaan dasar dan pengurusan tenaga kerja.
2. Kajian ini telah meliputi kira-kira 3,200 buah keluarga terpilih di seluruh negara menggunakan kaedah pensampelan yang sistematik. Data yang diperolehi daripada keluarga tersebut telah disesuaikan melalui proses *extrapolation and calibration* bagi menghasilkan anggaran seluruh penduduk yang tinggal dalam isirumah biasa di Negara Brunei Darussalam. Hasil KTK 2021 menunjukkan terdapat kira-kira 76,600 buah keluarga atau isirumah dan seramai 350,300 orang berumur 15 tahun ke atas.
3. Antaralain intisari yang dimuatkan dalam laporan ini adalah seperti berikut:
 - 3.1 Kadar penyertaan tenaga kerja (*labour force participation rate - LFPR*)**
 - 3.1.1 Kadar penyertaan tenaga kerja (*labour force participation rate - LFPR*) menunjukkan penurunan kepada 63.8 peratus pada tahun 2021 daripada 65.5 peratus pada tahun 2020. Penurunan ini adalah disebabkan penurunan jumlah penduduk

mengganggu di kalangan penduduk tempatan yang telah mendapat pekerjaan dan juga peningkatan penduduk di luar tenaga kerja (*Outside Labour Force*).

3.2 Penduduk bekerja

- 3.2.1 Jumlah penduduk bekerja meningkat sebanyak 0.6 peratus pada tahun 2021 iaitu seramai 212,400 orang, berbanding pada tahun 2020 dengan 211,100 orang. Di antara peningkatan ini adalah disebabkan pekerja tempatan telah mengisi pekerjaan di beberapa sektor industri yang dahulunya didominasi oleh pekerja asing.
- 3.2.2 Daripada jumlah tersebut, pekerja tempatan merupakan bahagian terbesar sebanyak 71.0 peratus (150,800 orang), manakala sebanyak 29.0 peratus (61,600 orang) adalah pekerja asing.
- 3.2.3 Sebanyak 92.1 peratus (195,500 orang) merupakan pekerja, manakala mereka yang bekerja sendiri adalah sebanyak 4.7 peratus (10,100 orang).
- 3.2.4 Seramai 67,000 orang (31.5 peratus) bekerja di sektor kerajaan yang termasuk aktiviti pentadbiran awam dan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan seperti pendidikan, kesihatan, elektrik dan air. Sementara itu, seramai 145,400 orang (68.5 peratus) bekerja di sektor swasta.
- 3.2.5 Mengikut jenis pekerjaan, pekerja perkhidmatan dan jualan menyumbang bahagian terbesar sebanyak 21.8 peratus (46,200 orang).
- 3.2.6 Purata pendapatan (*average income*) sebulan dari semua pekerjaan adalah BND1,536 bagi seorang berbanding dengan BND1,755 pada tahun 2020. Pekerja tempatan memperoleh pendapatan yang lebih tinggi sebanyak BND1,710 secara purata, berbanding BND1,110 bagi pekerja asing. Manakala, pendapatan kasar penengah (*median income*) dari pekerjaan adalah BND 880 berbanding dengan BND850 pada tahun 2020. Pendapatan penengah bagi pekerja tempatan dan asing adalah masing-masing sebanyak BND1,010 dan BND600.

3.2.7 Purata jam biasa bekerja dalam pekerjaan utama meningkat kepada 47.1 jam dalam seminggu berbanding dengan 44.4 jam pada tahun 2020.

3.3 Penduduk menganggur

3.3.1 Pada tahun 2021, jumlah penduduk menganggur adalah kira-kira seramai 10,956 orang berbanding dengan 16,630 orang pada tahun 2020. Ini menjadikan kadar pengangguran menurun daripada 7.3 peratus kepada 4.9 peratus pada tahun 2021, terutamanya di kalangan penduduk tempatan (10,800 orang atau 98.6 peratus).

3.3.2 Penurunan ini adalah disebabkan pencari kerja tempatan yang telah mengisi pekerjaan di beberapa sektor industri yang dahulunya didominasi oleh pekerja asing. Industri pembinaan menunjukkan peningkatan pekerja tempatan yang paling ketara dan diikuti oleh industri pengangkutan dan penyimpanan, infomasi dan perhubungan, aktiviti perkhidmatan dan lain-lain.

3.3.3 Penurunan jumlah penduduk menganggur adalah juga disebabkan oleh peningkatan penduduk di luar tenaga kerja (*outside labour force*) terutamanya mereka yang telah melanjutkan pengajian, menjalani kursus latihan dan melaksanakan tanggungjawab keluarga/isirumah.

3.4 Penduduk di luar tenaga kerja (*Outside the Labour Force*)

3.4.1 Jumlah penduduk di luar tenaga kerja (*Outside Labour Force*) meningkat sebanyak 6.1 peratus, daripada 119,700 orang pada tahun 2020 kepada 127,000 orang pada tahun 2021.

3.4.2 Terdiri daripada penduduk perempuan sebanyak 58.6 peratus, penduduk tempatan sebanyak 90.5 peratus, belia berumur 15 ke 24 tahun sebanyak 34.3 peratus dan yang mempunyai kelulusan tertinggi di peringkat menengah sebanyak 66.6 peratus.

- 3.4.3 Daripada 127,000 orang di luar tenaga kerja tersebut, sebanyak 93.0 peratus adalah mereka yang tidak aktif untuk mencari pekerjaan dan tidak bersedia untuk bekerja disebabkan masih dalam pengajian, sedang menjalani kursus latihan, mempunyai tanggungjawab keluarga/isirumah, atau telah bersara.
- 3.4.4 Manakala, sebanyak 7.0 peratus adalah mereka yang dikategorikan sebagai tenaga kerja yang berpotensi (*potential labour force*) iaitu sama ada mereka yang aktif mencari pekerjaan tetapi tidak bersedia untuk bekerja (*actively looking for job but not available*) atau yang tidak aktif mencari pekerjaan tetapi bersedia untuk bekerja (*not actively looking for job but available*).
4. Beberapa soalan tambahan berkaitan impak penularan wabak COVID-19 telah dimasukkan ke dalam borangtanya KTK 2021, sepertimana saranan pihak *International Labour Organisation* (ILO) bagi KTK 2020 sebelum ini. Situasi penularan wabak COVID-19 telah memberikan kesan terhadap aktiviti ekonomi penduduk di Negara ini sama ada bagi penduduk yang bekerja mahupun penduduk yang menganggur, antarlainnya adalah seperti berikut:
- 4.1 Kira-kira 40.0 peratus (84,900 orang) daripada kalangan penduduk bekerja telah mengalami perubahan dalam keadaan kerja mereka seperti perubahan dalam jumlah jam bekerja iaitu kurang dari biasa, bertukar tempat atau lokasi bekerja atau bekerja dari rumah (*work from home*); dan
- 4.2 Bagi penduduk yang menganggur pada tahun 2021, kira-kira 2.6 peratus atau 300 orang adalah terdiri dari kalangan mereka yang mempunyai pekerjaan pada tahun 2020, tetapi tidak lagi bekerja pada tahun 2021 disebabkan kehilangan pekerjaan bergaji atau pekerjaan sementara telah berakhir iaitu sebanyak 67.5 peratus (195 orang), penutupan sementara fasiliti dan premis sebanyak 13.3 peratus (38 orang), berhenti atau cuti kerana kecederaan, sakit atau kurantin dan lain-lain sebanyak 11.2 peratus (32 orang) dan dicutikan sementara atau menunggu panggilan balik dari majikan sebanyak 7.9 peratus (23 orang).

5. Penemuan perangkaan tenaga kerja yang dikeluarkan daripada hasil Kajian Tenaga Kerja (KTK) tahun 2017 hingga 2020 adalah juga disemak semula berasaskan data akhir Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021 dan Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2021. Perangkaan ini akan dimuatkan di dalam penerbitan *Brunei Darussalam Statistical Yearbook* (BDSYB) 2021.
6. JPES ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua keluarga yang terpilih di atas kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh kajian.
7. Laporan Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2021 boleh didapati melalui laman web JPES. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dirujuk ke JPES dengan menghubungi talian atau melayari laman sesawang berikut:

Telefon : 2233344 (waktu pejabat)
E-mel : info.statistics@jpes.gov.bn
Laman sesawang : deps.mofe.gov.bn



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

REPORT OF THE LABOUR FORCE SURVEY (LFS) 2021

1. *The Department of Economic Planning and Statistics (DEPS), Ministry of Finance and Economy has released the **Report of the Labour Force Survey (LFS) 2021** based on the final data from the Labour Force Survey (LFS) 2021 that was conducted simultaneously with the Third Stage of the Population and Housing Census (BPP) 2021 from 1 to 31 December 2021. The main objective of LFS 2021 is to collect latest information on size, structure, distribution and characteristics of the labour force, employment, unemployment and other economic characteristics of the population, which will be used to assist in the planning, research, policy-making and management concerning the labour force.*

2. *The survey covered about 3,200 selected households throughout the country using systematic sampling method. Data obtained from the selected households were extrapolated according to the sampling weights and then calibrated to represent the total population living in regular households in Brunei Darussalam. Results from LFS 2021 have shown that there was a total of about 76,600 households and 350,300 persons aged 15 years and over.*

3. *Among the main findings included in the report are as follows:*

3.1 Labour force participation rate - LFPR

3.1.1 *Labour force participation rate (LFPR) showing a decrease to 63.8 per cent in 2021 from 65.5 per cent in 2020 to. This is due to a decrease in the number of unemployed among locals who have found employment and also an increase in the Outside Labour Force .*

3.2 Employed population

3.2.1 *The employed population increased by 0.6 per cent in 2021 which is 212,400 persons, compared to 211,100 persons in 2020. Among these increases is due to local workers have filled jobs in several industrial sectors that were previously dominated by non-local workers;*

3.2.2 *Out of the total, local workers accounted for the largest share of 71.0 per cent (150,800 persons), while 29.0 per cent (61,600 persons) were non-local workers;*

3.2.3 *About 92.1 per cent (195,500 persons) were employees, while those who worked as own-account workers accounted for 4.7 per cent (10,100 persons);*

3.2.4 *A total of 67,000 persons (31.5 per cent) were employed in the government sector which includes activities of public administration and government services such as education, health, electricity and water services. Meanwhile, around 145,400 persons (68.5 per cent) were employed in the private sector;*

3.2.5 *By type of occupation, Service and Sales Workers accounted for the highest share of 21.8 per cent (46,200 persons);*

3.2.6 *The average monthly income from all jobs in 2021 was BND1,536 per employed person compared to BND1,755 in 2020. The local workers earned a higher income of BND1,710, while the non-local workers earned BND1,110 per month on average. Meanwhile the median income from employment was BND880 compared to BND850 in 2020. The median income for local and non-local workers was BND1,010 and BND600 respectively;*

3.2.7 *The average hours worked in the main job increased to 47.1 hours in a week from 44.4 hours in a week in 2020.*

3.3 Unemployed population

3.3.1 *In year 2021, total number of unemployed was around 10,956 persons compared to 16,630 persons in 2020. This resulted in a decrease of the unemployment rate from 7.3 per cent to 4.9 per cent in 2020, especially among local population (10,800 persons or 98.6 per cent).*

3.3.2 *The decrease is due likely due to local jobseekers who have filled jobs in several industrial sectors that were previously dominated foreign workers. The construction industry showed the most significant increase in local workers followed by the transportation and storage, information and communication industry, service activities and others.*

3.3.3 *The decrease in the number of unemployed persons is also due to the increased in the population outside labour force, especially those who have further their studies, undergone training courses and have family/household responsibilities.*

3.4 Outside the Labour Force population

3.4.1 *The number of persons outside labour force increased by 6.1 per cent, from 119,700 persons in 2020 to 127,000 persons in 2021.*

- 3.4.2 *Consisting of female population at 58.6 per cent, local population at 90.5 per cent, youth aged 15 to 24 years at 34.3 per cent and those with highest education attained with secondary level at 66.6 per cent.*
- 3.4.3 *Out of the 127,000 persons in outside labour force, there were 93.0 per cent those who are not actively looking for job and are not ready to work because they are still studying, undergoing training courses, have family/household responsibilities, or have retired.*
- 3.4.4 *Meanwhile, there were 7.0 per cent are those who are categorized as potential labour force that is either those who are actively looking for job but not available or those who are not actively looking for job but available.*
4. *A few additional questions related to the impact of the spread of the COVID-19 epidemic have been included in the LFS 2021 questionnaire, as recommended by the ILO for LFS 2020 before. The situation of the spread of the COVID-19 epidemic has had an impact on the economic activities of the population in this country, whether for the working population or the unemployed population, among others as follows:*
- 4.1 *About 40.0 per cent (84,900 persons) of the total employed population has experienced changes in their working conditions such as changes in the total working hours that is worked less hours than usual, and changes of work place or location or working from home;*
- 4.2 *For the unemployed in 2021, about 2.6 per cent or 300 persons were among those who had jobs in 2020, but were no longer working in 2021. Of these 300 persons, 67.5 per cent (195 persons) had loss of paid employment or temporary employment had ended, 13.3 per cent (38 persons) temporary closure of facilities and premises, 11.2 per cent (32 persons) had to quit or to take leave because of injury, illness or quarantine and others; and 7.9 per cent (23 persons) was on temporary leave or waiting for a callback from employer.*

5. *The labour force statistics obtained from the Labour Force Survey (LFS) year 2017 to 2020 are also revised based on the final data of the Population and Housing Census (BPP) 2021 and the Labour Force Survey (LFS) 2021. This information will be published in the Brunei Darussalam Statistical Yearbook (BDSYB) 2021.*

6. *JPES would like to take this opportunity to express our appreciation to the selected households in LFS 2021 for their cooperation throughout the survey period.*

7. *The Report of the Labour Force Survey (LFS) 2021 is available from JPES's website. For any enquiries on this matter, please refer to JPES by contacting the lines or browsing through the website below:*

<i>Telephone</i>	<i>:</i>	<i>2233344 (working hours)</i>
<i>E-mail</i>	<i>:</i>	<i>info.statistics@jpes.gov.bn</i>
<i>Website</i>	<i>:</i>	<i>deps.mofe.gov.bn</i>